



**CADANGAN PERUNTUKAN BUDGET 2024 DARI NGO
NORTH SOUTH INITIATIVE (NSI)
BERKAITAN DENGAN POPULASI BUKAN WARGANEGARA
UNTUK BELANJAWAN 2024**

12 OKTOBER 2023

Oleh

Adrian Anthony Pereira (Director North South Initiatives)

Anne Yacob (Director North South Initiatives)

Nurfarhana Che Awang (PhD)

+603 7663 5466 | ns.initiative@gmail.com | www.nsinitiative.net

PERKARA: PROPOSAL - CADANGAN PERUNTUKAN BUDGET 2024 DARI NGO NORTH SOUTH INITIATIVE (NSI) BERKAITAN DENGAN POPULASI BUKAN WARGANEGARA UNTUK BELANJAWAN 2024

Pengenalan

Pada tahun 1948, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan Deklarasi Hak Asasi Sejagat. Tujuan untuk menjelaskan dan memberi jaminan hak kepada setiap warga dalam masyarakat yang berhak kepada jaminan dan perlindungan sosial; sama ada di dalam negara atau organisasi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Deklarasi Hak Asasi Sejagat pada 10 Disember 1948 ini telah memperlihatkan sejumlah negara meratifikasikan Rang Undang-Undang Antarabangsa yang mengandungi *Universal Declaration of Human Rights, The International Covenant on Economic, Sosial and Cultural Rights, and the Political Rights* dua protokol pilihan. Pada 1976 memperlihatkan juga terdapat beberapa buah negara meratifikasikan *The International Covenant on Economic, Sosial and Cultural Rights* dan ratifikasi ini memperuntukan khusus hal berkaitan terhadap perlindungan sosial dalam Artikel 22; “*everyone, as a member of society has the right to social security and it entitled to realization, through national effort and international co-operation and in accordance with organization and resources of each state, of the economic, social and cultural rights indispensable for this dignity and the free development of his personality*” (UDHR, 2015).¹

Deklarasi ini menjelaskan bahawa setiap warga dalam masyarakat berhak kepada jaminan dan perlindungan sosial. Oleh itu, deklarasi ini turut terpakai kepada kesemua warga dalam dan luar negara; pada mana-mana peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Malahan, deklarasi ini turut terpakai kepada pekerja migran. Ini kerana pekerja migran telah didefinisikan sebagai seseorang yang bergerak menyeberangi sempadan negara untuk pelbagai tujuan; untuk belajar, bekerja, berkahwin, pelancongan, suaka politik, pelarian atau tujuan-tujuan jenayah ancaman terorisme (Rohani Abdul Rahim et al., 2012a).² Takrifan definisi yang paling sahih merujuk kepada pekerja migran adalah seperti penakrifan oleh *United Nations International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Worker and Their Families* pada Artikel 2 (1); “*a person who is to be engaged, is engaged or has been engaged in a remunerative activity in a state of which he or she is not a national; many definitions of migrant workers excluded diplomatic or state officials or officials posted to other countries, civil servant, refugees and stateless persons, and even seafarers* (ILO, 2011, P.16).³ Deklarasi dan definisi pekerja migran ini menegaskan hak dan jaminan pada pekerja migran, kerana pentakrifan ini telah memaktubkan peruntukan pekerja migran di bawah definisi dan deklarasi seperti yang dinyatakan di atas; iaitu merujuk kepada jaminan hak setiap warga dalam masyarakat dan perlindungan sosial sama ada diusahakan oleh negara atau organisasi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Jaminan hak pekerja migran ini jelas digariskan pada

¹UDHR, *The Universal Declaration of Human Rights*, http://gcwr2011.org/pdf/UDHRWR_en.pdf

² Rohani Abdul Rahim, Hera Pratita Madyasti et al (2012a), ASEAN Convention on Counter Terrorism 2007: How it benefits Indonesia and Malaysia, The 6th Indonesia-Malaysia Conference, FISIP, Universitas Airlangga, Surabaya, Universitas Airlangga, Universiti Malaya, 09-13/07/2012.

³ ILO (2011) Press release New ILO survey reveals limited public support for migrant workers’ rights in Asia; ILO campaign aims to improve understanding between host populations and migrant workers. (ILO Bangkok) (Access online at http://www.ilo.org/asia/info/public/pr/lang-en/WCMS_159873/index.htm).

piawai Hak Pekerja Migran dalam *1990 United Nations International Conventions on the Protection of the Rights of All Migrant Worker and Members of Their Families (United Migrant Worker Convention)* dan ia berkuatkuasa pada 2003. Malahan, pada pengenalan Perlembagaan *International Labour Organisation (ILO)* turut pula menetapkan tugas melindungi “*the interest of workers who employed in countries other than their own*”.

Namun begitu, tidak banyak negara anggota yang meratifikasikan konvensyen ini. Sedangkan pekerja migran memainkan peranan yang besar dan sangat penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi di rantau ASEAN. Khususnya, mereka menyumbangkan khidmat perburuhan dengan harapan menampung keperluan hidup diri dan keluarga di samping menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara asal dengan menjana remitan. Malahan, mereka mengalami pelbagai kemelut dan permasalahan dalam proses bermigrasi merentasi sempadan daerah, negara dan rantau. Dalam usaha mencapai cita dan harapan, pekerja migran sering kerap terkecewa dengan pelbagai isu dan cabaran yang menghimpit dan membelenggu kehidupan mereka sebagai pekerja migran. Harapan dan meraih situasi ‘menang-menang’ dengan penimbunan penyumbangan tenaga fizikal dan sebagai pulangan untuk mendapatkan upah yang setimpal sering kali tidak kecapaian disebabkan pelbagai penganiayaan dan eksploitasi yang dihadapi oleh mereka dari mula proses rekrut sehingga diserahkan kepada majikan. Perundangan dan polisi negara asal dan negara penerima pekerja migran turut sering menghimpit keupayaan mereka untuk bergerak bebas dari suatu negara ke suatu negara lain, khususnya merujuk kepada pergerakan di rantau ASEAN (Rohani Abdul Rahim et al., 2015c).⁴ Perancangan *Blueprint* ASEAN sebagai sebuah rantau yang bebas dari segi pergerakan barangan, aliran servis, pelaburan, pekerja mahir dan aliran modal yang lebih bebas; pergerakan bebas khidmat ini merujuk kepada usaha mewujudkan kemudahan bagi membolehkan aliran bebas penyediaan perkhidmatan oleh pekerja migran di rantau ASEAN. Penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menghendaki ASEAN untuk bertindak secara “*an open, outward-looking, inclusive, and market-driven economy consistent with multilateral rules as well as adherence to rules-based system for effective compliance and implementation of economy commitments*”.

Walaupun banyak peruntukan yang telah digariskan dalam usaha menggerakkan AEC. Namun, perlaksanaanya harus memerlukan penghayatan yang lebih jujur dan telus bagi membolehkan semua Negara ASEAN saling bekerjasama bagi melancarkan apa yang dirancang dan pada masa yang sama perbezaan perundangan dan usaha memelihara kedaulatan negara masing-masing telah menjadi satu cabaran. Bahkan, kesemua usaha ASEAN AEC ini turut sealiran dengan matlamat perancangan pada belanjawan negara untuk tahun 2024. Di mana negara telah memfokuskan terhadap intipati belanjawan negara kepada *Direct Domestic Investment (DDI)* pada perancangan belanjawan 2024 yang akan menjadi KPI kepada perkembangan ekonomi negara pada tahun 2024. Ini bermakna, keperluan kepada peningkatan dan keperluan pekerja migran untuk pertumbuhan dalam negara amat diperlukan apabila kerajaan lebih memfokuskan aktiviti ekonomi melalui perijanaan pelaburan domestik. Hal ini kerana DDI merupakan aspek penting untuk memacukan pembangunan negara; kerana dapat mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan industri sokongan (PKS), menambah pendapatan negara, prasarana yang lengkap, bekalan tenaga kerja professional, hubungan diplomatik yang erat dan kestabilan politik. Oleh itu, hasrat ASEAN AEC turut boleh didukung

⁴ Rohani Abdul Rahim, Muhamad Afiq Ahmad Tajudin, dan Kamarudin Abu Bakar, Pemakaian Undang-Undang Keselamatan dalam Konteks Rentas Sempadan di Malaysia, dlm Zarina Othman & Nor Azizan Idris, (Sunt.) *Migrasi dan Keselamatan*, 2015c, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

oleh kerajaan dengan menambahbaik lagi sistem dan kebajikan pekerja migran melalui peruntukan dana untuk kesejahteraan pekerja migran di negara ini; secara tidak langsung negara mampu membantu keberjayaan Dasar Komuniti Ekonomi ASEAN sejajar dengan deklarasi yang dinyatakan oleh AEC “*The AEC will establish ASEAN as a single market and production base making ASEAN more dynamic and competitive with new mechanism and measure to strengthen the implementation of its existing economic initiatives; accelerating regional integration in the priority sectors; facilitating talents; and strengthening the institutional mechanism of ASEAN (Association of South East Asia Nation, 2008)*”.

Bagi deklarasi ASEAN, perdagangan dengan negara-negara luar juga dianggap penting dalam mencita-citakan sifat-sifat berikut dan keberjayaan aspirasi ASEAN ini harus disambut oleh Negara ASEAN. Antara sifat-sifat penting yang dimahukan oleh ASEAN adalah untuk mewujudkan pasaran tunggal dan asas produksi, rantau pembangunan ekonomi yang adil, rantau ekonomi yang tinggi persaingan, dan rantau bersepadu dalam ekonomi global. Jadi fokus Malaysia dalam memperkasakan DDI turut dapat difokuskan visinya kepada *Foreign Direct Investment* (FDI) pada perkembangan ekonomi tempatan untuk masa hadapan melalui hubungan diplomatik yang baik di antara negara-negara ASEAN dan pada peringkat global. Selain dari memikirkan tentang perihal keperluan tenaga kerja buruh luar dalam menjana pertumbuhan ekonomi melalui pengambilan dan kemasukan pekerja migran. Malaysia turut harus meneliti bagaimana pekerja migran di dalam negara turut menyumbang dan menjadi penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dari aspek yuran penentuukuran semula (*recalibration*), yuran pengambilan pekerja, kos penerbangan, duti setem, levi dan juga aspek-aspek lain. Kesemua ini secara tidak langsung pekerja migran telah menyumbang kepada kelangsungan sumber ekonomi negara juga yang dibelanjakan oleh mereka melalui hasil pendapatan mereka untuk membayar SST, GST, denda, utiliti dan sebagainya; hanya sebahagian kecil sahaja wang pendapatan mereka dihantar ke negara mereka dan selebihnya digunakan dalam negara tempat mereka bekerja. Oleh itu, adalah tidak salah seandainya negara meneliti kembali hak dan kebajikan mereka seperti yang termaktub di dalam ILO dan deklarasi hak asasi kemanusiaan terhadap kebajikan mereka dan memperuntukan sebahagian hasil negara kepada kebajikan dan kesejahteraan pekerja migran. Oleh itu, sifat-sifat ini saling berinteraksi dan saling mengukuhkan dan ia dimasukkan ke dalam *blueprint* untuk memastikan keseragaman dan pengetahuan baik pada kesemua pihak berkeperluan.

Oleh itu, pergerakan bebas pekerja migran merupakan salah satu elemen penting dalam merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN; sedemikian kerajaan harus melihat dari sudut yang lebih positif terhadap keperluan dan kebajikan pekerja migran dalam mendukung deklarasi AEC dan pada masa yang sama harus memikirkan penguasaan dan perundangan negara terhadap pekerja migran dapat ditambah baik, supaya suatu sistem dapat diwujudkan dan kemajuan ekonomi dapat dijana serta turut tidak mengesampingkan hak asasi kemanusiaan seperti yang diaspirasikan dalam *Sustainable Development Goals* (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini kerana mengikut anggaran PBB, menganggarkan wujud 214 juta pekerja migran di seluruh dunia (IOM, 2010)⁵ iaitu melibatkan 3% penduduk dunia. Jumlah ini dikatakan akan melebihi 400 Juta menjelang 2050. Di Asia sahaja dianggarkan pada 2010 jumlah migran telah melebihi 27.5 Juta dan membentuk 13% daripada angka dunia (IOM, 2010).⁶ *International Organization for Migration* (IOM) pula menganggarkan migran berasal

⁵ IOM (2010) *World Migration Report 2010* (IOM, Geneva)

⁶ IOM (2010) *Labour Migration from Indonesia: An Overview of Indonesian Migration to Selected Destinations in Asia and the Middle East* (IOM,) (Akses atas talian;

daripada Negara Asia Tenggara seramai 10.2 juta; 6.7 juta daripadanya bekerja di Asia Tenggara, dan 3.2 Juta bekerja di Amerika Syarikat, dan bakinya ke rantau seperti Timur Tengah, Filipina dan Indonesia (IOM, 2010).⁷

Malaysia dan Thailand dilihat sebagai negara utama penerima pekerja migran di rantau ASEAN. Manakala, jumlah besar pekerja migran di ASEAN terdapat di Malaysia, Singapura dan Thailand. Jumlah besar ini kebanyakannya berasal daripada Kemboja, Indonesia, Myanmar dan Filipina (Tamagno, 2008, p.4).⁸ Pada tahun 2009 sahaja, PBB telah merekodkan pekerja migran menghasilkan remitan sekurang-kurangnya US 414 juta, kebanyakkan dibawa masuk ke negara sedang membangun dari negara-negara yang lebih maju (Association of South East Asia Nations, 2008). Hal demikian, mengikut kepada anggaran ini Malaysia harus lebih peka dan harus turut memasukkan isu soal pekerja migran di dalam belanjawan negara, kerana mereka turut memainkan peranan yang besar kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara, cara urus tadbir sistem undang-undang negara dan sebagainya supaya isu-isu terkait pekerja migran ia tidak berada di luar kawalan negara terhadap isu-isu perjagaan kesihatan, pelanggaran hak asasi dan sebagainya. Ini kerana secara amnya, cabaran bagi Malaysia untuk mengikut tuntutan piawaian antarabangsa dan deklarasi Negara ASEAN agak sukar. Di mana dalam melaksanakan piawaian yang dibentuk di peringkat antarabangsa dan rantau ASEAN tertutamanya hal ketetapan yang dibuat oleh Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO). Perundangan induk negara jelas menjelaskan menyatakan hak-hak semua orang yang berada di Malaysia, ini jelas pada Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan Malaysia bahawa “*all persons are equal before the law and is entitled to equal protection of law*”. Perkara 8 menggunakan terma “*person*” dan bukan “*citizen*” bagi menjamin hak-hak ini diperluaskan kepada permakainya kepada kesemua orang termasuk warganegara, pekerja migran di manapun mereka berada khususnya yang tidak berdokumen (*irregular situation*) menghadapi cabaran penting dari segi politik, perundangan, dan administratif dalam usaha mendapatkan akses kepada perlindungan sosial sebelum, semasa dan selepas atau lain-lain tempoh bermigrasi (Chloewinski, 2005; Cuddy et al., 2006; ISSA, 2011; Kulka, 2006; Tamagno, 2008).⁹

Namun begitu, wujud dasar dan perundangan kini yang dirasakan mengongkong pelaksanaan jaminan hak ke atas pekerja imigran. Umpamanya dasar-dasar seperti berikut; pertama pendekatan ‘*nationals first*’ dalam penyediaan perlindungan sosial, mengabaikan untuk meluaskan perlindungan kepada migran dan sektor informal (Rohani Abdul Rahman et

http://www.iom.int/jahia/webdav/shared/shared/mainsite/published_docs/Final-LM-Report-English.pdf

⁷ IOM (2010) *Labour Migration from Indonesia: An Overview of Indonesian Migration to Selected Destinations in Asia and the Middle East* (IOM,) (Akses atas talian;

http://www.iom.int/jahia/webdav/shared/shared/mainsite/published_docs/Final-LM-Report-English.pdf)

⁸ Tamagno, E. (2008) *Strengthening Social Protection for ASEAN Migrant Workers Through Social Security Agreements* (ILO, Bangkok)

⁹ Cholewinski, R. (2005) Study on Obstacles to Effective Access of Irregular Migrants to Minimum Social Rights (Council of Europe, Strasbourg) David A. Baldwin, *Paradoxes of Power* (Oxford, 1989), hal. 170—2; Cuddy, M., Suharto, E., Thamrin, J. and Moran, E. (2006) The European Union’s Programme for ASEAN: Strengthening Social Protection Systems dlm. ASEAN, Final Report (GDSI, no location) ISSA/International Social Security Association (2011) Social Policy Highlight 17 – Social Security and Migrants: Policy Challenges and Responses (ISSA, Geneva); Tamagno, E. (2008) *Strengthening Social Protection for ASEAN Migrant Workers Through Social Security Agreements* (ILO, Bangkok).

al., 2015b).¹⁰ Kedua, perundangan pekerja dan perlindungan sosial yang kuat dan proaktif lemah merentasi dunia; terutamanya dalam sektor dan tempat kerja yang majoritinya migran (Ibid). Ketiga, negara gagal memastikan hak terhadap perlindungan sosial bersifat '*portable*'/ boleh ubah dan pindah-pindah. Keempat, perundangan secara automatik mengeluarkan pekerja migran daripada perlindungan dengan alasan; a) pekerja bukan warganegara, iaitu keperluan bereksiden (menginap/tinggal untuk diliputi di negara asal dan negara penerima; kelayakan dokumentasi, kelayakan keimigrasian untuk panjang tempoh untuk tinggal kerana tidak bekerja); b) peruntukan perundangan yang memasukan sumbangan kepada skim perlindungan sosial untuk suatu tempoh masa tertentu tetapi mereka harus boleh tinggal dalam negara untuk tempoh berkenaan dan c) pemakaian sektor kerja (keadaan akses kepada perlindungan sosial terpakai kepada warganegara dan bukan warganegara, walaupun pekerja migran mungkin ramai di sektor tertentu tetapi ia tidak terpakai untuk penyediaan perlindungan sosial (Rohani Abdul Rahim et al., 2015d).

Oleh itu, adalah wajar sekiranya kerajaan kembali meneliti dan mempertimbangkan terhadap hak dan kebajikan pekerja migran atau migran dalam soal dasar-dasar yang mendatang untuk membentuk lebih dasar yang inklusif dalam pentadbiran negara dan sekaligus tidak mengenyahkan hak dan kebajikan yang termaktub di dalam deklarasi rantau ASEAN dan antarabangsa pada migran. Oleh itu, di sini beberapa cadangan atau proposal yang ingin dikeutarakan dari pihak *North South Initiative* (NSI) kepada kerajaan madani sejajar dengan perbentangan budget atau belanjawan negara yang akan dibentangkan pada pertengahan Oktober nanti. Cadangan ini bertujuan untuk menegaskan dan mengusulkan hak-hak pekerja migran yang seharusnya dipertimbangkan dan diperolehi kembali oleh mereka selaku antara sumber yang turut menyumbang kepada peningkatan dan pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti-aktiviti ekonomi mereka. Cadangan berkaitan dengan kebajikan pekerja migran dalam budget atau belanjawan negara terbahagi kepada enam isu seperti di bawah:

1) Penjagaan Kesihatan Pekerja Migran (*Health Care*)

Hak asasi setiap manusia untuk menikmati taraf kesihatan telah termaktub di dalam Perlembagaan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO, 1948).¹¹ Malahan, pendekatan berasaskan hak kesihatan turut ditegaskan kembali oleh WHO pada agenda pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals*) 2030; yang menekankan perlindungan kesihatan sejagat dan ekuiti kesihatan di atas konsep sejagat '*leave no one behind*' (Tulloch O et al., 2016).¹²

Pekerja migran adalah merupakan kumpulan rentan yang sering terdedah (*vulnerable*) kepada keadaan kualiti kehidupan bekerja yang daif, miskin, menghadapi diskriminasi dan pengecualian subsidi; tiada mempunyai kuasa untuk berunding terhadap hak mendapatkan penjagaan kesihatan di negara penerima (Derose KP et al., 2007).¹³ Di mana negara penerima sering sahaja menghalang kemudahan kepada hak mereka dengan menyekat akses kepada

¹⁰ Rohani Abdul Rahim, et al. "Combating Smuggling in Persons: A Malaysia Experience." *SHS Web of Conferences*. Vol. 18. EDP Sciences, 2015b. (ISI Index).

¹¹ World Health Organization. *Constitution of the World Health Organization*. Geneva: World Health Organization; 1948.

¹² Tulloch O, Machingura F, Melamed C. Health, migration and the 2030 Agenda for Sustainable Development. 2016.

¹³ Derose KP, Escarce JJ, Lurie N. Immigrants and Health Care: Sources of Vulnerability. *Health Affairs*. 2007;26(5):1258–68. 10.1377/hlthaff.26.5.1258

migran untuk mendapatkan hak kesihatan sehingga menyebabkan implikasi buruk pada tahap kesihatan individu dan penduduk (Hacker K et al., 2015; Gushalak & Macpherson, 2004).¹⁴

Dari perspektif Malaysia, merupakan sebuah negara yang berpendapatan sederhana tinggi dengan memiliki kekuatan ekonomi yang agak stabil dan kukuh berdasarkan kepada pelbagai sektor intensif buruh khususnya; memperlihatkan Malaysia sebagai sebuah negara pengimport bersih buruh asing dengan jumlah pekerja migran didokumentasikan terdiri daripada 15% daripada tenaga buruh dalam (DOSM, 2018).¹⁵ Di mana Kementerian Dalam Negeri menganggarkan sebanyak 2.1 juta pekerja migran tetap dan berdokumen di Malaysia pada tahun 2015 dan jumlah sebenar populasi buruh asing masih kabur sehingga kini disebabkan oleh kekurangan status undang-undang dalam soal pengurusan pekerja migran (Population & Labour Force, 2015).¹⁶ Lee Hwok- Aun dan Leng menganggarkan sejumlah 3.85 hingga 5.3 juta pekerja migran di Malaysia pada 2018 termasuk pekerja asing tanpa dokumen (ISEAS-Yusof Ishak, 2018).¹⁷ Pada masa kini juga, terdapat 15 buah negara yang membekalkan buruh Malaysia dengan majoritinya terdiri daripada Indonesia (15%), Nepal (24%), Bangladesh (13%) dan Myanmar (7%). Migran dari negara-negara ini bekerja dalam sektor pembinaan, pertanian, perladangan; pembuatan, perkhidmatan dan kerja domestik (Population & Labour Force, 2015). Kesemua sektor ini adalah merupakan sektor pekerja berkemahiran rendah, bergaji rendah kurang daripada RM2000 sebulan serta dianggap sebagai sektor 3D (*dirty, difficult and dangerous*) yang berkemahiran rendah dan ia berbeza layan daripada ekspatriat yang menandakan aras jawatan dan berkemahiran tinggi pekerja (Immigration Department of Malaysia, 2018).¹⁸

Oleh demikian, walaupun statistik menunjukkan bahawa Malaysia adalah merupakan antara penerima migran terbesar di Asia Tenggara. Tetapi, ironinya Malaysia bukan penandatanganan konvensyen antarabangsa mengenai *The International Convention on Protection of the Rights of All Members of Their Families*¹⁹ dan di rantau ASEAN hanya 2 buah negara sahaja yang meratifikasikan perjanjian antarabangsa iaitu negara Indonesia dan Filipina (UNDP, 2015).²⁰ Di Malaysia, sistem penjagaan kesihatan adalah berbentuk sistem campuran awam dan swasta dan Malaysia antara negara yang mendapat liputan dan pujian terluas dunia kerana memiliki prestasi yang tinggi pada pencapaian perlindungan kesihatan sejagat melalui ruang penjagaan kesihatan berasaskan percukaian; menjamin akses kepada penjagaan kesihatan rakyat dengan kadar caj minimum kepada pengguna. Namun demikian, walaupun

¹⁴ Hacker K, Anies M, Folb BL, Zallman L. Barriers to health care for undocumented immigrants: a literature review. *Risk management and healthcare policy*. 2015; 8:175–83. 10.2147/RMHP.S70173

¹⁵ Department of Statistics Malaysia. Key Statistics of Labour Force in Malaysia, July 2018. 2018

¹⁶ Population & Labour Force [Internet]. The Official Website of Economic Planning Unit, Ministry of Economic Affairs. 2015 [cited 20th September 2018]. Available from: <http://www.epu.gov.my/en/economic-statistics/population-and-labourforce>.

¹⁷ Counting Migrant Workers in Malaysia: A Needlessly Persisting Conundrum [Internet]. ISEAS–Yusof Ishak Institute

¹⁸ Official Portal of the Immigration Department of Malaysia, Ministry of Home Affairs: Expatriate 2018 [20th December 2018]. Available from: <http://www.imi.gov.my/index.php/en/main-services/ekspatriat.html?id=222>.

¹⁹ United Nations. Status of Treaties: International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of their Families 2018 [24 November 2018]. Available from: https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=IND&mtdsg_no=IV-13&chapter=4&clang=en.

²⁰ UNDP. The Right to Health *Right to Health for low-skilled labour migrants in ASEAN countries*. Bangkok: UNDP, 2015.

NON-CITIZEN BUDGET 2024 - MOF

sistem penjagaan kesihatan awam diberikan subsidi yang tinggi oleh kerajaan kepada rakyat atau warganegara. Tetapi sistem penjagaan kesihatan dilihat bias dan mengekang hak sejagat terhadap pekerja migran khususnya dengan pelaksanaan penghapusan elemen subsidi kerajaan bermula pada tahun 2003 dan semakan bil pada tahun 2014. Tindakan dan perubahan dasar penjagaan kesihatan ini telah menjejaskan pekerja migran yang terdiri daripada pekerja asing, pencari suaka, pelancong, pasangan asing dan ekspatriat. Perbandingan kadar caj penjagaan kesihatan awam di Malaysia antara warganegara dan bukan warganegara dapat dilihat pada jadual di bawah:

Charges for Malaysian citizens and non-citizens at public clinics and hospitals.

	<i>Malaysian citizen</i>	<i>Non-citizen</i>	<i>Price difference</i>
<i>Ward deposits</i>			
<i>3rd Class (Medical)</i>	<i>MYR 20 (USD 4.6)</i>	<i>MYR 1,400 (USD 325.6)</i>	<i>70 X</i>
<i>3rd Class (Surgical)</i>	<i>MYR (USD 7.0)</i>	<i>30 MYR 2,800 (USD 651.2)</i>	<i>93 X</i>
<i>Daily ward charges</i>			
<i>3rd Class</i>	<i>MYR (USD 0.7)</i>	<i>3 MYR 160 (USD 37.2)</i>	<i>53 X</i>
<i>In-patient treatment charges</i>			
<i>3rd Class</i>	<i>Free</i>	<i>MYR 100 (USD 23.3)</i>	<i>+ 100</i>
<i>Out-patient treatment charge¹</i>			
<i>Out-Patient Department</i>	<i>MYR (USD 0.2)</i>	<i>1 MYR 40 (USD 9.3)</i>	<i>40 X</i>
<i>Specialist Clinic</i>	<i>MYR (USD 1.2)</i>	<i>5 MYR 120 (USD 27.9)</i>	<i>24 X</i>

Di Malaysia, sistem penjagaan kesihatan berbentuk campuran awam-swasta dan Malaysia antara negara yang mendapat liputan terluas atas pengiktirafan terhadap prestasi pencapaian perlindungan kesihatan sejagat melalui sistem penjagaan kesihatan yang berasaskan cukai; yang menjamin akses kepada penjagaan rakyat dengan kadar caj bayaran minimum kepada pengguna. Namun demikian, walaupun sistem penjagaan kesihatan awam Malaysia diberikan subsidi tinggi untuk rakyat atau warganegara. Tetapi sistem ini kesihatan awam Malaysia mengenakan caj yang tinggi kepada bukan warganegara yang diwartakan dasar bermula pada tahun 2003 dan pindaan pada 2014 (Fee Act, 1951);²¹ bertujuan bagi menghapuskan semua elemen subsidi kerajaan. Tindakan dan perubahan dasar ini

²¹ Fees Act 1951, Fees (Medical) (Cost of Services) Order 2014

memperlihatkan keterjejasan pada pekerja migran termasuk pencari suaka, pelarian, pelancong asing, pasangan asing dan ekspatriat. Boleh merujuk kepada kadar caj pada jadual di atas.

Sehubungan itu juga, Akta Imigresen Malaysia 1959 menetapkan bahawa semua pekerja migran mesti lulus ujian kesihatan sebelum berlepas bekerja di Malaysia. Pekerja migran yang didokumenkan juga harus lulus pemeriksaan kesihatan pra-pekerjaan pada bulan pertama ketibaan di Malaysia dan kemudahan kepada pemeriksaan kesihatan tertakluk mandatori sebagai syarat pemohonan permit dan sesetengah majikan turut menyediakan pekerja migran dengan akses kesihatan di klinik swasta. Dari konteks kerajaan juga menyediakan dua skim insuran dan ia wajib untuk diambil pada pembaharuan tahunan permit pekerja migran yang berdokumen. Umpamanya, Skim Penghospitan dan Pembedahan untuk pekerja asing (SPIKPA). Manakala, pada 1 Januari 2019 Skim Kecederaan untuk Pekerja Asing turut ditubuhkan di bawah Keselamatan PERKESO (EI-PERKESO). SPIKPA ialah skim insuran perubatan swasta wajib yang harus dibeli dari 25 penyedia insuran berdaftar yang memberi perlindungan sebanyak RM10,000 untuk tujuan kemasukan hospital di fasiliti awam. EI-PERKESO pula merupakan skim keselamatan sosial yang memberi faedah penyakit atau kecederaan pekerjaan selaras Skim PERKESO untuk warganegara Malaysia dan ia memperuntukan caruman 1.25% daripada caruman gaji yang dibayar oleh majikan. Pampasan kematian akibat kemalangan sehingga RM25,000, faedah kurang upaya kekal 90% daripada purata gaji harian pekerja asing, faedah penghantaran pulang juga turut disediakan. EI-SOCSO pula menggantikan Skim Pampasan Pekerja Asing (FWCS) yang menyediakan pampasan maksimum RM23,000 akibat kemalangan, hilang upaya berkait pekerja asing (Nordin R et al., 2018; Malaysian Federation of Employers, 2013).²²

Namun begitu, walaupun pekerja migran dijangka sihat apabila memasuki Malaysia dengan pelbagai prosedur yang telah diperuntukkan, keadaan kehidupan dan persekitaran kerja serta pengecualian daripada perkhidmatan terhadap akses kesihatan boleh menyebabkan migran menghadapi masalah kesihatan. Hal ini kerana dalam mendapatkan hak dan akses penjagaan kesihatan akan ditentukan dan dihalang oleh pelbagai halangan kewangan, organisasi dan faktor-faktor lain sebagainya sekaligus telah menghadkan pengguna penjagaan kesihatan; sekaligus telah menjejaskan hasil kesihatan mereka dan ia menyalahi deklarasi hak asasi kemanusiaan. Di mana terdapat beberapa kajian mengenalpasti bahawa kekangan halangan dan ketidakmampuan, dokumentasi tidak lengkap, halangan bahasa, diskriminasi dan xenophobia, halangan majikan dan sebagainya telah menyebabkan hak dan perlindungan penjagaan kesihatan pekerja migran dinafikan. Oleh itu, memperlihatkan bahawa akses penjagaan kesihatan kepada pekerja migran terhad dan pelbagai faktor telah dinyatakan seperti di atas. Umpamanya, faktor kewangan yang tinggi yang harus ditanggung oleh pekerja migran, walaupun secara amnya majikan yang bertanggungjawab. Namun, gaji pekerja migran yang menjadi mangsa ditolak daripada pendapatan bulanan mereka (Noh NA et al., 2016).²³ Bahkan, disebabkan kerenah birokrasi dan sebagainya turut menyebabkan pekerja asing memilih untuk ke klinik swasta berbanding menggunakan fasiliti awam (Ibid). Malahan, kajian turut menyatakan bahawa insurans SPIKPA tidak mencukupi akibat daripada kenaikan kos yuran perubatan di hospital swasta awam baru-baru ini dan ditambah pula dengan kenaikan bil

²² Nordin R, Abd Razak MF, Shapiee R, Tengku Zainuddin TNA, Auzair S, Jaffar R. Health Insurance for Foreign Workers in Malaysia and Singapore: A comparative study. *International Journal of Business and Society*. 2018;19 (S3):400–13.

²³ Noh NA, Wahab HA, Bakar Ah SH, Islam MR. Public Health Services for Foreign Workers in Malaysia. *Soc Work Public Health*. 2016;31(5):419–30. Epub 2016/05/14. 10.1080/19371918.2015.1125321

hospital melebihi siling insuran RM10,000 dan menyebabkan migran terpaksa membayar baki tertunggak dan kegagalan berbuat demikian menyebabkan mereka tidak dibenarkan untuk memperharui permit kerja dan majikan disenarai hitamkan oleh Jabatan Imigresen (MOH, 2011 & MFE, 2013).²⁴ Keadaan ini menyebabkan ramai pekerja migran melarikan diri dan majikan menghantar pulang pekerja migran.

Oleh itu, kami mendapati bahawa kekangan kewangan telah mempengaruhi kualiti dan penyediaan perkhidmatan kesihatan. Pertama, kami mencadangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyediakan peruntukan dan plan pakej insuran pada belanjawan negara untuk tahun 2024 dan seterusnya sebuah plan pakej insuran komprehensif untuk pekerja asing yang merangkumi penuh perkhidmatan termasuk pencengahan, promotif, kuratif dan pemulihan; dan andai pakej ini dilaksanakan maka penyediaan akses kesihatan berkualiti dan perlindungan risiko kewangan akan dapat mampu memenuhi matlamat UHC yang benar-benar inklusif. Cadangan kedua juga untuk mencadangkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menilai semula struktur yuran semasa yang bukan warganegara dan mengembalikan subsidi untuk kebajikan kesihatan pada bukan warganegara. Manakala, skim SPIKPA juga harus disemak semula sesuai dengan kenaikan yuran di fasiliti Awam Kementerian kesihatan Malaysia. Ketiga, Kementerian Kewangan turut boleh mempertimbangkan model daripada negara Thailand terhadap konsep penjagaan kesihatan awam untuk pekerja migran. Di mana Thailand adalah merupakan satu-satunya negara anggota ASEAN yang membenarkan bukan warganegara untuk menyertai dalam Skim Insuran Kesihatan Nasional. Skim ini membenarkan akses kepada seluruh penduduk kepada penjagaan kesihatan yang tidak menghadkan kepada konteks kewarganegaraan (Guinto et al., 2015;²⁵ Tangcharoensathien V et al., 2017;²⁶ Onarkeim KH, et al., 2018).²⁷ Umpamanya, di bawah Skim Kad Insurans Kesihatan Thailand (HICS). Pekerja migran boleh mendaftar di pusat perkhidmatan Kementerian Dalam Negeri yang mengeluarkan kad pengenalan sementara. Kementerian buruh mengeluarkan permit kerja sementara dan Kementerian Awam menjalankan peperiksaan perubatan dan mendaftarkan migran di HICS dengan tempoh enam bulan sehingga setahun. Pekerja imigran pula harus menjalani proses pengesahan kewarganegaraan (NV) di kedutaan negara-negara asal mereka untuk membolehkan mereka menerima permit kerja penuh dan dokumen pengenalan diri.

Justeru itu, Malaysia sebagai negara destinasi utama pekerja migrain harus mempunyai beberapa peruntukan untuk penjagaan kesihatan migran yang didokumenkan. Tetapi malangnya, UHC di Malaysia hanya terhad kepada warganegara sahaja dan sistem bayaran lebih tinggi kepada bukan warganegara dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan awam, Di sini, hal kompleks akses kepada penjagaan kesihatan yang melangkaui sektor turut melibatkan dasar buruh dan dasar imigresen. Umpamanya seperti Akta Pekerja 1955, menyatakan seseorang pekerja hendaklah diberi cuti sakit sekiranya diperiksa oleh pegawai perubatan atas perbelajaan majikan. Tetapi malangnya akta ini tidak jelas dalam menegaskan tanggungjawab majikan dalam memberi akses kepada penjagaan kesihatan pekerja migran. Maka dengan itu, kami turut ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia agar

²⁴ Malaysian Federation of Employers. Practical Guidelines for the Employers for the Recruitment, Placement, Employment, Repatriation of Foreign Workers in Malaysia. 2013.

²⁵ Guinto RLLR, Curran UZ, Suphanchaimat R, Pocock NS. Universal health coverage in 'One ASEAN': are migrants included? *Global health action*. 2015;8(1):25749.

²⁶ Tangcharoensathien V, Thwin AA, Patcharanarumol W. Implementing health insurance for migrants, Thailand. *Bulletin of the World Health Organization*. 2017;95(2):146 10.2471/BLT.16.179606

²⁷ Onarkeim KH, Melberg A, Meier BM, Miljeteig I. Towards universal health coverage: including undocumented migrants. *BMJ global health*. 2018;3(5): e001031 10.1136/bmjgh-2018-001031.

NON-CITIZEN BUDGET 2024 - MOF

memperuntukkan dana kajian terhadap pemindaan Akta Pekerja 1955 untuk memastikan majikan membayar kos berkaitan pekerja migran. Manakala, dasar Imigresen pula harus menubuhkan badan pengurusan migran berbilang pihak yang membolehkan berusaha untuk ke arah pembangunan penghijrahan buruh yang komprehensif selaras dengan cadangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Manakala, cadangan kami agar kerajaan juga harus memperuntukkan sejumlah dana subsidi bagi melihat dan memantau hal-hal berkaitan penyakit khususnya dalam soal pemerebakan penyakit HIV dalam kalangan pekerja migran agar tidak menular dalam negara. Cadangan kami berhubung hal ini adalah soal penyediaan perkhidmatan HIV kerajaan kepada pekerja migran. Cadangan ini adalah berlandaskan kepada kebimbangan yang tinggi bersandarkan kepada data kajian yang pihak NSI dan pasukan ResQ laksanakan. Di mana kajian mendapati bahawa data menunjukkan ramai dalam kalangan pekerja migran hidup dalam mengidap penyakit HIV (PLHIV). Keadaan ini amat membimbangkan kerana andai tiada langkah pencegahan awal dilakukan, dikhuatiri penyebaran dan pemerebakan penyakit HIV dalam kalangan pekerja migran mencapai peringkat AIDS dan akhirnya merebak kepada seluruh warga penduduk tanpa mengenal warganegara dan bukan warganegara.

Isu penularan virus HIV ini dalam kalangan migran adalah kerana tiada penyediaan fasiliti penjagaan kesihatan awal kepada golongan migran. Hal ini kerana, kos perubatan dan saringan HIV amat tinggi dan tidak mampu ditanggung oleh golongan migran. Dan ada juga isu yang pesakit tidak menyedari bahawa mereka mengidap penyakit HIV dan tanpa disedari menyebarkan virus kepada khalayak. Hal ini amat membimbangkan kerana ia melibatkan hal kompleks kos perubatan yang tinggi dan wujud penafian akses terhadap akses kesihatan bagi golongan migran. Oleh itu, kami ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk melihat isu ini secara serius dan menyediakan dana subsidi atau peruntukan bagi akses keperluan terhadap saringan penyakit HIV ini dalam kalangan migran. Usaha ini dilihat suatu usaha yang akan bersifat langkah proaktif dalam mengekang penularan virus dalam negara. Data boleh dirujuk pada jadual di bawah seperti berikut:

M&E VALIDATED DATA (JUNE 2022 – SEPTEMBER 2023) FROM NORTH SOUTH INITIATIVE (NSI)

Nationality	Outreach			Testing	Diagnose Positive	Treatment	UVL U=U	Deceased
	New Client							
	Online	Offline	Total					
Indonesia	52	86	138	90	33	31	21	3
Bangladesh	3	77	80	45	3	2	0	0
Pakistan	5	62	67	46	3	3	3	0
Nepal	0	95	95	58	4	0	0	0
Myanmar	25	39	64	19	11	11	3	0

UVL (Undetected Viral Load)

U=U (U Equal to U)

Dalam usaha pihak kerajaan Malaysia dalam mengawal penularan virus HIV dan menghapuskan kematian kalangan ODHA; kami di *North South Initiative* (NSI) bersungguh-

sebenarnya memohon agar kerajaan tidak memandang enteng akan perihai ini dan mempertimbangkan peruntukan subsidi terhadap rawatan HIV kepada pekerja migran di Malaysia. Di mana, dengan sokongan daripada kerajaan dalam mengekang dan memberi perkhidmatan rawatan; penjagaan kesihatan dan saringan HIV serta sebagainya mampu mencegah penularan virus HIV daripada menular dalam kalangan masyarakat dalam negara. Usaha ini juga bukan setakat mampu untuk meningkatkan hak dan kesihatan kepada golongan migran tetapi ia turut merupakan satu pendekatan proaktif bersifat matlamat kolektif dalam mengurangkan penyebaran virus ini.

Kami berpendirian bahawa dengan menawarkan rawatan pencegahan peringkat awal kepada migran mampu merawat secara berkesan dan mencegah penularan HIV daripada menjadi AIDS. Malahan, pada masa yang sama mampu untuk mengurang dan mengelakkan kerajaan daripada terpaksa menanggung beban bil yang tinggi pada masa akan datang akibat daripada penularan ini. Ini kerana, individu mungkin tidak menyedari bahawa dia telah dijangkiti dan penyebar HIV serta akhirnya tersedar mencapai tahap AIDS dan terpaksa mendapatkan rawatan di hospital dengan beban penanggungan kos perubatan yang tinggi. Impak yang besar juga dapat dilihat andai tiada pencegahan, di mana pihak hospital juga turut akan terkesan menanggung beban pergelutan dengan kos perbelanjaan hospital yang tinggi dalam merawat penularan HIV. Di sini diharap pihak kerajaan sedar bahawa perkhidmatan HIV bersubsidi bukan sahaja soal kesihatan awam; tetapi ia juga adalah salah satu cara memastikan kemampanan kewangan dalam sektor kesihatan awam.

2) Dana Hak Asasi Kemanusiaan untuk Pemberhentian Buruh Paksa

Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun berorientasikan buruh intensif terutamanya dalam soal pembangunan ekonomi utama negara melalui sektor pembinaan, perlombongan dan pertanian seharusnya berhati-hati menguruskan soal mengenai isu buruh paksa; kerana keterbergantungan negara adalah sangat tinggi dalam pertumbuhan ekonomi. Tambahan juga, Malaysia adalah sebuah negara yang telah meratifikasikan piawaian antarabangsa di bawah ILO yang akan menjadi instrumen asas kepada negara yang akan berfungsi sebagai panduan dalam melindungi hak pekerja dan memantau tanggungjawab majikan dalam mengimbangi pembangunan ekonomi dan sosial negara. Hal ini jelas dapat dilihat pada perjanjian ‘Deklarasi Philadelphia’ yang memberi mandat kepada ILO untuk mempertahankan prinsip-prinsip penting dan menolak buruh paksa dan keadaan ini juga turut termasuk soal isu bahawa seorang pekerja bukanlah ‘komoditi’. Justeru mereka juga harus diberikan kebebasan termasuk kebebasan untuk bersuara dan berpersatuan; deklarasi ini turut disertakan dengan Perlembagaan ILO pada 1964 yang telah menjadi inspirasi pada instrumen antarabangsa termasuk *Universal Declaration of Human Rights (UDHR)*.

Walaupun isu soal pemerdagangan orang atau perhambaan moden ini telah banyak dikupas dan dibincangkan. Namun, ia tetap menjadi suatu polemik dunia; dan isu-isu ini sehingga sekarang masih menjadi kekeliruan dunia kerana ia sering sahaja dihangatkan dengan pelbagai isu. Umpamanya, isu seperti hak asasi manusia, isu perburuhan, isu keadilan sosial, isu jenayah kemanusiaan dan juga isu rentas sempadan (McAdam, 2019). Bahkan, pertindanan undang-undang juga menjadi penyebab kepada berlakunya kesukaran bagi pelaksanaan penguatkuasaan yang efektif; pembentukan dan penambakan instrumen antarabangsa dalam memerangi pemerdagangan orang dan buruh paksa menjadi tekanan kepada negara-negara untuk memahami dan mengunapakai instrumen tersebut. Namun, persoalannya apakah

cabaran-cabaran yang wujud ini adalah suatu yang boleh menjadi penanda aras dalam menentukan sejauh mana sesuatu itu atau situasi yang berlaku boleh dianggap sebagai suatu jenayah atau satu bentuk pelanggaran hak asasi manusia? Oleh demikian, bagi mengelakkan wujudnya pelanggaran hak asasi manusia ia memerlukan perhatian dalam soal penguatkuasaan untuk mengelakkan pelanggaran berterusan dan ekstrem yang boleh membantu kerja paksa dan mengamalkan bentuk kerja harmoni atau *'decent work'*. Idea ini diperkenalkan oleh ILO pada tahun 1999 di persidangan ILO dengan berpendirian *"productive work under condition of freedom, equality, security and dignity, in which rights are protected and adequate remuneration and social coverage are provided"* (ILO, 2016, P.15).²⁸ Ini bermakna kemampuan mengamalkan *decent work* menjadi kunci pembanteras buruh paksa dan turut menjadi penanda aras kepada penggubal dan pelaksana dasar agar tidak melanggar hak asasi dan ia perlu dimainkan peranan secara kolektif oleh kesemua pihak termasuk kerajaan, badan berkanun dan juga badan bukan kerajaan sebagai usaha dalam menyemak imbang pelaksanaan dasar; serta turut dapat membantu pihak penguatkuasa undang-undang jenayah oleh pegawai penguatkuasa, kesatuan sekerja, badan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan berkait ILO selaras dengan 11 set indikator²⁹ yang dibangunkan oleh ILO untuk menjadi penunjuk kepada prestasi pengenalpastian perlakuan buruh paksa melalui konteks sinambungan eksploitasi (*continuum of exploitation*) (ILO, 2013).³⁰

Jelas bahawa penguatkuasaan undang-undang jenayah yang berkesan dapat menghalang amalan buruh paksa dalam sektor ekonomi negara bagi memastikan golongan rentan tidak ditinggalkan tanpa perlindungan. Standard yang baik ini menuntut negara untuk memperkasakan pemeriksaan buruh (*labour inspection*) bagi memastikan pematuhan undang-undang oleh majikan dan pemegang taruh dari pengeksploitan dan pelanggaran hak asasi. Umpamanya, dapat dilihat pada standard perburuhan antarabangsa, obligasi utama sesebuah negara terutama negara yang meratifikasikan deklarasi ILO No.29 bagi memerangi sebarang bentuk buruh paksa; serta badan ILO turut menggariskan suatu langkah pengambilan berkesan mencegah buruh pada melalui Protokol 2014 dengan memberi perlindungan pada mangsa termasuk akses kepada keadilan (ILO, 2016).³¹ Oleh itu, Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi ahli kepada ILO telah meratifikasikan instrumen utama ILO; termasuk juga konvensyen buruh paksa pada 1930. Ini bermakna Malaysia telah menerimapakai definisi buruh paksa seperti yang dinyatakan dalam Perkara 6 Perlembagaan negara melarang sebarang bentuk perhambaan dan kerja paksa dan ia tidak harus dicabuli oleh mana-mana individu, pihak, badan atau undang-undang lain; serta undang-undang ini terus memberikan kuasa kepada Parlimen untuk memperuntukan undang-undang berkaitan perhambaan dan buruh paksa di dalam statut dan polisi negara demi memastikan peruntukan dan undang-undang membanteras jenayah buruh paksa dan sekaligus negara mematuhi Triti antarabangsa yang diratifikasikan. Malahan, keharmonian dalam hubungan pekerja dan majikan juga amat penting bagi memastikan kelangsungan ekonomi negara dan hak-hak asasi pekerja terjamin mengikut

²⁸ ILO (2016). ILO Standards on Forced Labour: The New Protocol and Recommendation at a Glance. ILO, Geneva

²⁹ 11 indikator buruh paksa oleh ILO (ancaman dan ugutan, keganasan fizikal dan seksual, perhambaan hutang, penipuan, penganiyaan golongan rentan, isolasi, penahanan dokumen pengenalan diri, penahanan gaji, kerja lebih masa, sekatan pergerakan, tempat kerja tidak kondusif).

³⁰ ILO (2013). ILO Indicators of Forced Labour. Special Action Programme to Combat Forced Labour (SAP-FL). https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_norm/---declaration/documents/publication/wcms_203832.pdf

³¹ ILO (2016). ILO Standards on Forced Labour: The New Protocol and Recommendation at a Glance. ILO, Geneva

lunas undang-undang dan Perlembagaan negara. Ini termaktub jelas dalam akta-akta seperti Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994; Akta Standard Minimum Perumahan dan Pekerja 1990 dan lain-lain berkaitan perburuhan telah digubal demi memelihara dan menguatkuasakan hak dan tanggungjawab antara majikan dan pekerja.

Hatta begitu, walaupun terdapat banyak akta dan undang-undang dalam soal perburuhan dan pemerdagangan orang seperti yang termaktub pada Akta 670, yang memperihalkan soal buruh paksa sebagai kesalahan jenayah di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Imigran 2007 (ATIPSOM). Namun, memperlihatkan Malaysia turut tidak terlepas daripada kontroversi dan kritikan berkaitan dengan kesalahan isu pengeksploitasian buruh yang diklasifikasi dalam bentuk pemerdagangan manusia dalam laporan pemerdagangan orang 2021 '*trafficking in person report 2021*' (TIP 2001) yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat (AS). Keadaan ini telah menurunkan rekod Malaysia daripada tahap 2 kepada tahap 3 (*tier 3*); iaitu merupakan tahap terendah dalam kategori pemerdagangan orang menurut kepada standard minimum Akta Perlindungan Manusia Pemerdagangan Orang (TUPA) Amerika Syarikat. Impak kepada penurunan tahap ini telah mempengaruhi saluran dan bantuan dana dari Amerika Syarikat kepada semua negara. Ini kerana penurunan tahap 3 dalam TIP ini memperlihatkan gambaran tiada usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memerangi jenayah pemerdagangan orang. Umpamanya dapat dilihat pada isu pada tahun 2020, di mana U.S. Customs and Border Protection (CBP) telah mendakwa dua syarikat terbesar pengeluaran sawit dunia, Felda Global Ventures (FGV) dan Sime Darby Plantations (SDP). (Awani & Berita Harian, 2020; Sinar Harian, 2021).

Isu-isu ini telah menjadi kebimbangan kepada badan-badan bukan kerajaan seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dalam mezhahirkan kebimbangan terhadap isu buruh paksa di Malaysia dan amalan sebegini bercanggah dengan Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM). SUHAKAM turut menyambut baik Pelan Pelancaran Tindakan Kebangsaan Mengenai Buruh Paksa (NAPFL) 2021-2025. Malahan disebabkan oleh kontroversi dan kritikan-kritikan daripada badan global telah mewujudkan penubuhan Majlis Anti Pemerdagangan Orang (MAPO) dalam menangani isu-isu buruh paksa dan pemerdagangan orang. Iaitu pada tahun 2007, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 yang bertujuan membendung dan memerangi peningkatan jenayah berkaitan pemerdagangan dan penyeludupan manusia. Akta ini kemudian telah dipinda pada tahun 2010 dan 2015. Peruntukan baru pindaan 2015, membolehkan mangsa yang diperdagangkan diberi kebenaran oleh Majlis Anti Pemerdagangan Orang (MAPO) untuk bergerak bebas atau bekerja di luar tempat perlindungan. Selain itu, pada 28 Mac 2018 mahkamah khas bagi anti pemerdagangan orang telah ditubuhkan bagi mempercepat pendengaran kes pemerdagangan orang oleh hakim yang berpengalaman. Ini memberi peluang kepada pihak pendakwaan untuk berinteraksi dengan mangsa sekurang-kurangnya dua minggu sebelum perbicaraan bagi memahami dan menangani mangsa dengan lebih baik dan memastikan kes dapat dilupuskan dalam tempoh 9 bulan dari tarikh ianya didaftarkan seperti sasaran asal. Tetapi kekangan yang dihadapi oleh MAPO dalam menguatkuasakan dan membendung ketidaketikaan majikan terhadap pekerja dibatasi dengan kekurangan kakitangan akibat daripada kekurangan dana yang diperuntukan kepada agensi ini dari kerajaan. Oleh itu, kami di North South Initiative memohon untuk kerajaan menyalurkan dana berjumlah RM100 juta pada budget atau belanjawan negara tahun 2024 kepada badan-badan bebas atau perubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berjuang mengadvokasi dalam melindungi hak-hak pekerja-pekerja untuk memperkasakan hak asasi

kemanusiaan. Ini kerana badan-badan ini memainkan peranan yang penting dalam mengekang buruh paksa dan pemerdangangan orang khususnya dalam soal pengkuatkuasaan dan pemeriksaan serta advokasi awam terhadap hak asasi kemanusiaan.

3) **Inklusiviti Kepada Pihak Tidak Berbank (*Inclusivity of the Unbanked*)**

Mengikut hak asasi kemanusiaan, migran tanpa mengira status (berdokumen atau tanpa dokumen) seharusnya diberikan akses kepada pemilikan ID perbankan di negara-negara penerima khususnya. Hal ini kerana dengan kebenaran memiliki akses kepada sistem perbankan dapat memberi ruang kepada migran untuk mendaftarkan cukai hasil pendatang sebagai pekerja di dalam negara. Langkah membenarkan migran tanpa dokumen mengakses sistem perbankan dan memiliki ID perbankan membolehkan kerajaan dan institusi perbankan untuk lebih senang berkomunikasi dan sekaligus dapat membentuk kerjasama yang lebih erat antara komuniti dengan migran. Kerjasama antara komuniti ini akan membentuk lebih ruang kepada migran dan komuniti untuk berkerjasama; keadaan ini mampu mengurangkan permasalahan yang timbul daripada pengekangan terhadap penafian akses migran tanpa dokumen pada negara. Antara isu besar yang dihadapi oleh pihak Bank Negara dan Jabatan Kastam Malaysia adalah untuk membanteras sistem hawala atau sistem penghantaran wang bawah tanah iaitu merujuk kepada sistem penghantaran wang secara haram ke luar negara. Di mana kerajaan telah merekodkan banyak wang negara telah keluar tanpa pengetahuan pihak Bank Negara. Bahkan, sistem hawala ini juga turut memberi impak negatif kerana ia mendedahkan negara kepada pelbagai jenayah domestik dan global. Umpamanya, menurut pelaporan sumber daripada Pusat Pelaporan dan Analisis Keuangan Unit Perisikan Kewangan (FLU) Indonesia; mendedahkan kesan sendikit sistem penghantaran wang haram bawah tanah ini sangat memberi kesan buruk kepada negara dan global. Di mana transaksi yang berlaku tanpa pengetahuan ke mana aliran wang itu mengalir dan hasil risikan merekodkan bahawa sistem hawala ini telah banyak disalahguna dalam memayungi aktiviti-aktiviti jenayah dan keganasan seperti pembiayaan keganasan, pembayaran kegiatan jenayah, pemutihan wang haram, dadah, kongsi gelap dan pelacuran (Berita Harian, 2018).³²

Oleh demikian, kami di North South Initiative mencadangkan kepada kerajaan supaya menimbang dan memperuntuk terhadap isu pada perbentangan budget 2024 nanti. Hal ini kerana dengan tidak menyediakan akses kepada migran akan mendedahkan negara dan global kepada pelbagai hal negatif; sekaligus turut merugikan negara dalam mendapatkan cukai caj daripada transaksi atau permindahan wang ke luar negara. Oleh itu, kami mencadangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk melihat sistem atau model perbankan negara untuk golongan migran. Antara mengapa migran memerlukan akses kepada sistem kewangan adalah kerana ia mampu mewujudkan integrasi ekonomi penuh migran dengan institusi kewangan secara formal dan tidak formal – akses secara formal di sini pula merujuk kepada sistem perbankan, insuran, dana pencen dan institusi-institusi dalam negara. Oleh begitu, hanya dengan kebenaran kepada akses terhadap sistem perbankan sahaja akan dapat mengembangkan kehidupan mereka dan dapat mengelakkan daripada berlakunya jenayah-jenayah berkaitan kewangan. Umpamanya, contoh model perbankan di Amerika Syarikat yang dipraktikkan di Austin, Texas melalui *Program Easy Banking*, merujuk kepada pendekatan pihak berkuasa tempatan dan pihak institusi kewangan bagi menyelesaikan permasalahan jenayah yang berlaku dalam kalangan migran; membenarkan migran untuk memiliki ID perbankan untuk membantu

³² <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/403859/bank-negara-pantau-sindiket-hawala>

pihak kerajaan membanteras isu-isu jenayah, ini kerana dengan akses kepada pemilikan ID perbankan, migran dapat dilindungi haknya daripada dicabuli oleh mana-mana pihak seperti isu rombakan, penipuan terhadap migran kerana migran terpaksa membawa tunai yang banyak di tangan dan mengurangkan pendedahan migran dari penipuan pihak ketiga. Akses kepada migran ini secara tidak langsung telah membantu melindungi keselamatan mereka. Antaranya, *Easy Banking* ini memperkhidmatkan golongan migran dengan penyediaan dua kad bank kepada setiap migran yang memohon. Satu kad diperuntukan oleh bank kepada pembuka atau pemilik akaun dan satu kad lagi diberikan kepada penerima wang daripada pemilik akaun. Model ini memberikan jaminan keselamatan kepada pemegang akaun dan mampu mengelakkan daripada campur tangan pihak ketiga dari unsur jenayah dan penipuan. Model Texas ini juga turut digunapakai di wilayah Dallas dan Forth Worth (Federal Reserve Bank for Chicago, 2006).

Manakala, model di Amerika Syarikat juga, turut membenarkan pihak ketiga yang sah berdaftar dengan institusi dan membolehkan kerajaan tahu dan memantau penghantaran wang ke luar negara dengan dengan sah. Manakala, pihak kerajaan juga membenarkan NGO-NGO (*community-based*) yang mewakili setiap negara untuk menguruskan hal ehwal penghantaran wang migran daripada mana-mana negara hal ini kerana untuk membolehkan pembicara tidak menghadapi masalah halangan bahasa (Federal Reserve Bank for Chicago, 2006).³³ Umpamanya, seperti organisasi bukan kerajaan bernama *Boat People SOS* (BPSOS), organisasi bukan kerajaan yang memberi perkhidmatan khusus kepada migran Vietnam ini juga berperanan memberi pencerahan pendidikan kepada golongan migran berkaitan soal cukai, kesihatan, perkhidmatan komuniti dan hak-hak lain pada golongan migran. Bahkan kesemua institusi kewangan atau perbankan di Amerika Syarikat berlumba-lumba untuk memberi perkhidmatan kepada migran; kerana ia mampu membawa keuntungan daripada kadar caj yang dikenakan terhadap golongan migran yang merangkumi pelbagai status migran di negara tersebut seperti *documented, undocumented, permanent, temporary, upper-income, lower-income, middle-age, young, married, or single and for both male and female immigrants* (Federal Reserve Bank for Chicago, 2006). Oleh demikian, diharap kerajaan mampu melihat isu ini dengan lebih teliti dalam soal pemberian akses kepada golongan migran di negara ini. Malahan, kerajaan Amerika Syarikat menggalakkan kemasukan migran ke negara mereka kerana golongan migran ini membawa keuntungan yang besar terhadap pendapatan negara melalui penghasilan cukai daripada golongan migran.

4) Substitusi Depot Pusat Tahanan Imigresen (*Substitution of Immigration Detention Centres*)

Depot Pusat Tahanan Imigresen Negara merupakan mekanisme terpenting dalam soal kedaulatan negara untuk mengawal selia isu pendatang asing tanpa izin (PATI). Cabaran menguruskan pusat tahan ini semestinya menjadi suatu cabaran yang besar kepada negara khususnya dalam aspek perbelanjaan menanggung selia. Mengikut data, sebanyak RM84.8 juta setiap tahun dibelanjakan oleh kerajaan (Berita Harian, 2023).³⁴ Oleh demikian, kerajaan dan juga badan-badan antarabangsa harus mencari suatu kata yang kolektif dalam membincangkan dan mengurangkan kos penyeliaan ini. Hal ini kerana, isu pendatang tanpa izin melibatkan isu

³³ Financial Access for Immigrants: Lessons from Diverse Perspective.

³⁴<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1082526/rm848-juta-kos-perbelanjaan-depot-imigresen-setahun>.

diplomatik antara negara dan juga badan keadilan antarabangsa; PATI berada di bawah perlindungan undang-undang antarabangsa pada masa yang sama akan turut menggugat kedaulatan sesebuah negara andai tiada langkah proaktif diambil dan menatijahkan negara destinasi PATI terpaksa menanggung kos yang tinggi dalam soal kebajikan dan hak asasi mereka.

Justeru, kami di North South Initiative mencadangkan kepada kerajaan untuk mencari alternatif dengan mengadakan perundingan bersama dengan badan antarabangsa dalam mencari alternatif kepada pusat penahanan PATI dalam mengurangkan kos perbelanjaan negara. Umpamanya, kemungkinan kerajaan boleh melaksanakan suatu perundingan yang melibatkan pihak berkepentingan seperti masyarakat madani, badan bukan kerajaan, agensi kerajaan dan badan antarabangsa dalam membincangkan pencarian alternatif depot tahanan dalam mengurangkan kos seliaan pusat tahanan. Hal ini amat penting dalam menyelesaikan masalah dan sekaligus tidak menjejaskan kedaulatan sesebuah negara; serta pada masa yang sama akan dapat menjaga kebajikan dan hak asasi PATI.

5) Peruntukan Dana Guaman awam Kepada Migran

Pada 2010, Penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) ditubuhkan oleh Jemaah Menteri bertujuan untuk memberi perkhidmatan bantuan guaman dan memberi akses kepada keadilan untuk menjamin kesamarataan di sisi undang-undang. Tujuan dan objektif Yayasan ini adalah untuk membantu golongan kurang berkemampuan mendapat bantuan dan nasihat guaman. Perkara ini selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan; untuk memastikan semua pihak mendapat hak kesamarataan di sisi undang-undang sebagaimana yang diperuntukan di bawah Perkara 8(1) Perlembagaan; serta menyediakan maklumat kepada orang ramai mengenai bantuan guaman dalam perkara berkait jenayah oleh peguam YBGK.

Antara kelayakan untuk golongan tidak berkemampuan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia dan kanak-kanak warga asing. Kadar dan caj kos peguam pada peringkat pertama perbicaraan adalah percuma yang tidak melibatkan kos melebihi RM25,009; manakala selebihnya bergantung kepada kes-kes tertentu yang dituntut bayaran melibatkan kelayakan pendapatan yang kadar caj tidak melebihi RM36,000. Oleh itu, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ini merupakan satu yayasan yang begitu bermakna kepada mereka yang tidak berkemampuan tetapi ingin mendapatkan hak keadilan yang diwakili oleh peguam-peguam dalam mendapatkan keadilan. Yayasan ini sejak penubuhan bermula 2011 didanai oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebanyak RM5 juta, dan pada tahun 2012 juga kerajaan meningkatkan dana kepada YBGK kepada RM10 juta kerana sedarkan akan keperluan golongan yang kurang berkemampuan (Noramilia Mohd Saad, YBGK). Namun demikian, bermula pada tahun 2018 sehingga 2023, memperlihatkan tiada lagi dana yang datang daripada belanjawan negara dari Kementerian Kewangan Malaysia kepada Yayasan ini, keadaan ini agak membimbangkan pihak yang tidak berkemampuan terutamanya golongan migran yang tidak mampu diwakili oleh mana-mana peguam dalam mendapatkan keadilan.

Justeru itu, kami di North South Initiative ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk memperuntukan sejumlah dana kepada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan pada pelan belanjawan 2024 untuk membolehkan Yayasan ini berterusan membantu mereka yang tidak berkemampuan dan ini selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan, bahawa semua pihak layak untuk mendapat pembelajaran dan keadilan melalui badan

perundangan. Bahkan, Yayasan ini amat begitu bermakna kepada golongan migran dalam mendapatkan bantuan berhubung kes-kes mahkamah mereka dalam mendapatkan keadilan. Ini kerana, begitu ramai golongan migran khususnya yang dijatuhkan hukuman tanpa pembelaan dan diwakili oleh peguam dalam kes-kes mahkamah mereka (Berita Harian, 2023).³⁵ Keadaan ini amat paradok dan bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan bagi semua pihak untuk mendapatkan keadilan dan bertentangan dengan tabii konsep keadilan dan perundangan.

6) Permerkasaan Ekonomi dan Kebajikan PekerjaGig

Satu peruntukan belanjawan besar harus dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dalam pembentangan budget 2024 terutamanya dalam soal langkah ke arah pemerikasaan kebajikan sosial penggiat ekonomi gig di negara ini. Di mana, terdapat saranan daripada Presiden Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia; menegaskan untuk kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) untuk membantu menyelesaikan permasalahan dan meningkatkan tahap kebajikan pekerja gig ekonomi negara. Umpamanya, dalam soal P-Hailing dan E-Hailing, kebajikan pemandu tidak diambil kira sepenuhnya dengan berapa jumlah jam pemanduan setiap hari dan mereka bakal berdepan dengan masalah kesihatan yang teruk; andai tiada langkah yang proaktif daripada pihak kerajaan dalam mengawal isu ini dan bahkan tiada pengawalan jam bekerja ini akan turut memudaratkan keselamatan penumpang sendiri. Tambahan pula, dengan sistem aplikasi digital yang tiada pengawalan daripada pihak berwajib membuka ruang kepada golongan kapitalis untuk mengeksploitasi pekerja gig ekonomi negara. Contohnya, dapat dilihat pada jarak kejauhan di antara peta sebenar dengan peta di dalam aplikasi, memperlihatkan ketidaksama jarak dan bayaran tidak setimpal dikenakan berbanding jarak sebenar dan menjadikan pekerja gig ekonomi mengalami kerugian (Berita Harian, 2023).³⁶

Bahkan, terdapat juga isu lain yang wujud dalam kalangan pegiat ekonomi gig (*gigger*) perkhidmatan penghantaran makanan khususnya; di mana isu soal peningkatan kadar kemalangan di kalangan penghantar makanan turut meningkat kian tahun, isu kos pembayaran gaji dan upah yang tidak setimpal beban kerja dan juga keadaan struktur jam kerja perkhidmatan penghantaran makan (P-Hailing) yang tidak teratur. Data merekodkan peratusan bekerja seminggu yang mampu dilaksanakan oleh penggiat ekonomi gig P-Hailing sedemikian. Di bawah 49 jam seminggu, memperlihatkan pemandu P-Hailing terlibat sebanyak (22.3%); manakala pada 84 jam (70%) yang terlibat dan untuk 126 jam seminggu (6.8%) dan 168 jam (0.2%). Kadar peratusan mampu bekerja pemandu P-Hailing. Peratusan ini semakin menurun mengikut peningkatan jam pemanduan pada setiap minggu, hal ini kerana mereka bekerja dengan jam yang tinggi dan tanpa rehat yang cukup (Teraju, 2020). Oleh itu, situasi ini memperlihatkan keadaan bahawa pekerja gig ekonomi P-Hailing dan E-Hailing merasakan mereka tidak dilindungi oleh kebajikan dan perlindungan sosial seperti yang tertakluk pada Akta Kerja 1955.

³⁵<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1143556/38-warga-indonesia-mengaku-bersalah-tiada-dokumen-sah-tinggal-lebih-masa>

³⁶ <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/07/1125474/keselamatan-akta-khas-ekonomi-gig-lindungi-kebajikan-pekerja>

Oleh itu, jika tertubuhnya suatu suruhanjaya akan membantu membentuk struktur kawal selia yang bagus dalam mengelakkan unsur eksploitasi daripada golongan kapitalis dan sekaligus hak dan perlindungan keselamatan golongan gig ekonomi akan terpelihara. Malahan, penubuhan suruhanjaya ini juga mampu untuk membantu pekerja gig ekonomi mendaftarkan diri mereka untuk mendapatkan perlindungan di bawah faedah PERKESO. Ini kerana, mengikut kepada statistik Jabatan Perangkaan Negara hanya 7% peratusan belia sahaja yang mendaftar dengan PERKESO bagi mendapatkan faedah di bawah program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) (Awani, 2020).³⁷ Di bawah PENJANA ini memperuntukan perlindungan sosial dan inisiatif ini dibangunkan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memberi perlindungan kepada perkara gig ekonomi. Tetapi, walaubagaimana pun, program PENJANA ini tidak begitu menyeluruh dan kurang mendapat perhatian daripada pekerja ekonomi gig negara. Oleh itu, kami di North South Initiative menggesa kerajaan untuk memperuntukan sejumlah dana kepada kebajikan pekerja gig khusus dalam menjaga kebajikan dan perlindungan sosial kepada golongan ini; hal ini kerana, dijangka ekonomi gig ini akan banyak diceburi oleh belia negara dan keterlibatan belia dalam industri ini adalah 3% daripada populasi belia negara (Ibid). Maka, kebaikan sosial pekerjaan gig golongan belia khususnya ini harus diambil serius oleh kerajaan kerana belia merupakan teras tiang utama kepada kemajuan ekonomi negara pada masa hadapan.

Penutup

Maka dengan itu, kami di North South Initiative berharap agar segala cadangan yang telah dikemukakan di atas akan diambil perhatian serius oleh Kerajaan dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam soal penyediaan kebajikan dan perlindungan hak sosial kepada semua pihak khususnya migran seperti yang telah diutarakan di atas.

³⁷ <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/hanya-7-peratus-pekerja-ekonomi-gig-berdaftar-dengan-perkeso-tengku-zafrul-250320>